

**MAJLIS MAKAN MALAM SAMBUTAN ULANGTAHUN JUBLI EMAS SEMPENA 50  
TAHUN KESATUAN KEBANGSAAN PEKERJA-PEKERJA PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN SEMENANJUNG MALAYSIA (ANULAE)  
17/10/2014**

**STADIUM TITIWANGSA, KUALA LUMPUR**

Bismillahirrahmanirahim

Terima kasih saudara saudari pengacara majlis.

YBrs Sdra. Azih Bin Muda,  
Presiden ANULAE Semenanjung Malaysia merangkap Presiden CUEPACS,

YB Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan,  
Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan Dan Kerajaan Tempatan,

YBhg Tan Sri Dr. Ali Hamsa,  
Ketua Setiausaha Negara,

YBhg Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal,  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Yang Berusaha Kepimpinan ANULAE Semenanjung Malaysia,  
Yang Berusaha Kepimpinan CUEPACS Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah syukur kita kehadiran ilahi kerana kita dapat bersama-sama pada malam ini di Majlis Sambutan 50 Tahun ANULAE Semenanjung Malaysia. Bagi pihak diri saya, saya merakamkan tahniah kepada kepimpinan dan ahli-ahli Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia (ANULAE) yang dapat mengaturkan program sebegini meriah dan bersejarah, sempena dengan ulangtahun 50 Tahun ANULAE Semenanjung Malaysia.

2. Dengan sambutan 50 tahun ini, saya merasakan ANULAE merupakan kesatuan yang telah berjaya meletakkan kepimpinan mereka didalam kepimpinan utama kesatuan sekerja dalam Negara ini. Alhamdulillah dan tahniah kepada Saudara Azih Bin Muda yang telah dilantik sebagai Presiden CUEPACS bagi penggal 2013 - 2016.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak, dan khususnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihadapan saya, ahli-ahli ANULAE, yang telah memainkan peranan penting bagi menyumbang kepada peningkatan kedudukan Malaysia dari tangga ke-15, ke tangga ke-12 tahun ini di dalam IMD's World Competitiveness Yearbook 2014; dan peningkatan 4 anak tangga ke kedudukan ke-20 di dalam Laporan Global Competitiveness Report World Economic Forum 2014-2015.

4. Dasar mesra perniagaan, kestabilan politik dan keutamaan dalam membentuk eko-sistem perniagaan yang pro-aktif telah menjadikan negara kita sebuah ekonomi berdaya saing utama dunia, dan kita perlu terus berusaha meningkatkan peranan kita terutamanya diperingkat Kerajaan tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjadi lebih efisien dengan memperkasakan amalan urus tadbir yang telus, berintegriti, dan pelaksanaan peraturan, serta penguatkuasaan yang beramanah, berhemah dan tegas.

5. Sehubungan ini, Kerajaan Persekutuan akan sentiasa memainkan peranan untuk membantu memantapkan sistem kerajaan tempatan, walaupun kita sedar PBT itu merupakan tanggungjawab dan terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri.

Hadirin Sekalian,

6. Sepertimana yang kita sama-sama maklum, PBT adalah merupakan organisasi kerajaan yang paling dekat dengan rakyat. Dalam kata kiasan "it is where the rubber meets the road". Apa sahaja kesan dan manfaat pada peringkat kerajaan tempatan, merupakan manifestasi dasar kerajaan yang lebih tinggi. Putrajaya pada mata rakyat adalah terlalu jauh tetapi PBT adalah di hati mereka, kerana PBTlah yang menyediakan perkhidmatan harian kepada mereka. Pada peringkat Kerajaan Persekutuan, langkah demi langkah telah dan akan diambil bagi membantu PBT melaksanakan tugas masing-masing.

7. Dalam menterjemahkan komitmen membantu organisasi kerajaan tempatan/PBT, Kerajaan Persekutuan turut menyediakan jumlah bantuan yang besar kepada PBT, yang disalurkan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pada tahun 2013 Kerajaan menyalurkan RM887.1 juta, dan peruntukan tersebut meningkat sebanyak 2.1% kepada RM905.7 juta bagi tahun 2014.

8. Peruntukan yang disediakan ini dijangka dapat menampung keperluan kesejahteraan rakyat serta mempertingkatkan kawasan perumahan penduduk dalam kawasan PBT. Dalam hal ini juga, peruntukan bagi program penyenggaraan rumah kos rendah awam, dan program penyenggaraan rumah kos rendah swasta turut disalurkan untuk memastikan agar kualiti hidup rakyat dalam kawasan PBT dapat dipertingkatkan.

Hadirin yang dihormati,

9. Kita sekarang berada dalam RMKe-10 dan di ambang RMKe-11 (2016 – 2020) iaitu satu fasa yang amat kritikal untuk negara kita mencapai tahap negara maju pada tahun 2020. Dalam RMKe-10, beberapa isu dan kekangan telah dikenalpasti, yang juga merupakan cabaran kepada PBT dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

10. Antara isu utama yang sering diperkatakan oleh rakyat adalah penyediaan infrastruktur yang tidak mencukupi, kemudahan awam yang selalu rosak dan tidak dibaiki, perkhidmatan perbandaran yang kurang cekap, keselamatan persekitaran yang tidak terjamin, sistem penyampaian PBT yang tidak cekap, sistem pengurusan sisa pepejal yang tidak memuaskan dan lain-lain lagi. Isu-isu ini adalah isu-isu PBT tetapi sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan Persekutuan turut meneliti isu-isu tersebut, dan mencari jalan penyelesaian.

11. Terdapat juga sasaran dalam RMKe-10 yang belum dicapai disebabkan keupayaan PBT melaksanakannya amat terbatas disebabkan kekurangan tenaga atau kekurangan peruntukan. Kerajaan melalui KPKT boleh membantu, tetapi hendaklah ada kerjasama dari PBT sendiri. Dalam tempoh RMKe-11 isu-isu ini akan dikaji dan diperincikan terutamanya demi memperkasakan mutu penyampaian yang berkesan.

12. Susulan kepada itu, di dalam RMKe-11, pelbagai program baru akan dilaksana dan diperkasakan bagi menempatkan kerajaan tempatan ke arah mesra alam, pembangunan dan pengurusan berlandaskan masa depan, mewujudkan persekitaran yang mampan bagi mengurangkan kesan bencana alam dan kemusnahan alam sekitar. Saya harap strategi-strategi yang digubal untuk mencapai teras pembangunan khususnya meningkatkan kesejahteraan rakyat (improving well-being) dapat dicapai.

13. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menjelaskan Penubuhan JPP atau Jawatankuasa Perwakilan Penduduk dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan adalah merupakan satu inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan transformasi sosial pengurusan bandar memandangkan pada masa ini hampir 70% penduduk negara ini tinggal di bandar. Pada masa ini, Kerajaan mendapati penglibatan penduduk bandar adalah secara ad-hoc, tidak teratur seperti di luar bandar yang mempunyai JKKK.

14. Kerajaan juga sedar banyak fungsi-fungsi Kerajaan Persekutuan pada peringkat tempatan serta isu-isu perbandaran seperti kesihatan, pengangkutan, keselamatan awam, perumahan, pendidikan, alam sekitar, kepenggunaan, pengurusan strata, penyenggaraan rumah kos rendah, tidak ditangani dengan menyeluruh, segera dan sempurna. Dengan penubuhan JPP ini, pihak kerajaan akan mempunyai lebih banyak ruang dan peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan penduduk dan membawa isu untuk ditangani secara

bersama, disamping menggalak penyertaan penduduk dalam program-program pembangunan bandar bagi meningkatkan kualiti persekitaran dan kemampuan kejuranan.

15. Dalam hal ini Ahli Majlis PBT tidak perlu merasa terganggu dengan penubuhan JPP kerana kedudukan mereka terpelihara didalam Akta 171 malahan penubuhan JPP akan mengukuhkan kesepaduan penduduk.

Para hadirin sekalian,

16. Saya dimaklumkan pihak Kementerian sedang berusaha untuk melaksanakan Pelan Transformasi PBT yang meliputi pelbagai aspek pengurusan PBT. Sekiranya ianya dapat dilaksanakan kelak, InsyaAllah, hasil penyampaian perkhidmatan akan lebih berkesan. Usaha ini meliputi antaranya;

- i) transformational leadership untuk melahirkan pemimpin-pemimpin yang menjadi pemangkin perubahan sistem penyampaian Kerajaan;
- ii) meningkatkan kompetensi dan kepakaran warga PBT serta pemeraksanaan kualiti, nilai dan etika;
- iii) menggunakan kaedah yang kreatif dan inovatif untuk meningkatkan pendapatan di samping melaksanakan perbelanjaan berhemah;
- iv) memperkukuhkan budaya penyelenggaraan dan pemantauan; dan
- v) pendekatan lebih strategik untuk engagement dengan pelbagai komuniti.

17. Berkaitan dengan usaha meningkatkan lagi keberkesanan PBT, Kerajaan telah melaksanakan Sistem Penggredan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) bertujuan untuk mengemaskini ciri-ciri PBT berprestasi tinggi supaya PBT sentiasa menjaga dan memelihara tahap kecekapan dan keberkesanan organisasi PBT.

18. Berdasarkan keputusan penggredan terkini yang telah dilaksanakan pada tahun 2013 melibatkan 100 buah PBT di Semenanjung Malaysia, terdapat peningkatan yang ketara dalam pencapaian PBT sejak SPB-PBT yang pertama pada tahun 2008. Terdapat 2 PBT mendapat penarafan lima (5) bintang, 35 PBT telah mendapat penarafan empat (4) bintang, 44 PBT mendapat penarafan tiga (3) bintang, 15 PBT mendapat penarafan dua (2) bintang dan empat (4) PBT mendapat penarafan satu (1) bintang.

19. Saya dimaklumkan hasil pelaksanaan SPB-PBT ini, telah menunjukkan peningkatan prestasi PBT yang ketara. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada tuan-tuan dan puan-puan disini yang telah bersama-sama menunjukkan komitmen dan usaha yang tinggi bagi meningkatkan budaya kerja cemerlang, dan mantap yang telah memberi kesan positif kepada perkhidmatan PBT untuk dimanfaatkan oleh komuniti setempat.

20. Oleh itu, secara tidak langsung hasil dari kegigihan ahli-ahli ANULAE dalam meningkatkan produktiviti telah menghasilkan manfaat kepada peningkatan prestasi daya saing Negara disamping mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi negara, dan persekitaran yang sejahtera bagi kehidupan rakyat di Negara yang kita cintai ini.

21. Sekali lagi tahniah kepada ANULAE yang menyambut ulangtahun ke 50, dan semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberi petunjuk dan kekuatan kepada setiap anggota PBT dan ahli-ahli ANULAE, gigih menyempurnakan tugas berat mensejahterakan rakyat. Semoga komitmen dan tugas yang dilaksanakan secara jujur dan ikhlas mendapat ganjaran dari Allah jua.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi warabakatuh